



# Buletin INSTUN

MALAYSIA  
MADANI

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

MAC 2026

## MAJLIS IFTAR RAMADAN BUP SEMPERNA CERAPAN GERHANA BULAN PENUH

Muka Surat 7



## PROGRAM MAJLIS KHATAM AL QURAN & PENUTUPAN PROGRAM IHYA RAMADAN

Muka Surat 21



ISSN 2600-853X



9 772600 853003

**MENARIK  
DI DALAM**

PROGRAM  
CERAPAN  
HILAL SYAWAL  
1447

Muka Surat 13

TAKLIMAT  
SISTEM PEGAWAI  
BERTUGAS (SPB)  
INSTUN

Muka Surat 27

## SIDANG REDAKSI

PENAUNG  
TUAN KHAIRIN NAZRY BIN KARIM

PENASIHAT  
ENCIK ZULHASMI BIN MOHAMAD

KETUA EDITOR  
CIK NORIMAH BINTI WAHAB

PEREKAAN & GRAFIK  
ENCIK MOHAMAD HAFIZ BIN ABDUL AZIZ

SIDANG EDITOR  
UKP BPP  
UKP BPPT  
UKP BUP  
UKP BTM  
UKP INSTUN

## DARI KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat illahi, buletin INSTUN 2026 bagi bulan Mac telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin instun ini adalah untuk melaporkan aktiviti - aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Mac. Ia jugak adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwin INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan peransang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelaras buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin instun pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



# KURSUS DALAM TALIAN: PENGENALAN KEPADA ORDINAN TANAH SABAH (CAP68) 1930 (TLE06/26)

TARIKH : 3 Mac 2026.

TEMPAT : Dalam Talian Google Meet.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 68 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Malaysia. Objektif kursus untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai Ordinan Tanah Sabah.

Isi kandungan :

- Pengenalan kepada Ordinan Tanah Sabah
- Pengurusan dan Perolehan Tanah Persekutuan di Sabah
- Pelupusan, Pembangunan dan Urusniaga Tanah



## KURSUS DALAM TALIAN: TANAH PUSAKA-HAK DAN TANGGUNGJAWAB WARIS-WARIS (TKE03/26)

TARIKH : 05 Mac 2026.

TEMPAT : Dalam Talian Google Meet.

RINGKASAN PROGRAM: Kursus ini telah dihadiri seramai 60 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan persediaan waris-waris dalam membuat permohonan pusaka. Penceramah Encik Abdul Mu'iz Bin Mohd Tamyas.



# **KURSUS DALAM TALIAN : KURSUS ASAS PENGAMBILAN TANAH BILANGAN 1 (TLE07/26)**

TARIKH : 10 Mac 2026.

TEMPAT : Dalam Talian Google Meet.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 57 orang dari pelbagai Kementerian/Jabatan. Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan asas hakmilik strata.

Penceramah Jemputan

1. Encik Mohd Shukri Bin Hamzah
2. Encik Huzaifah bin Amnan



## PENGENALAN KANUN TANAH SARAWAK (CAP 81) 1958

TARIKH : 12 Mac 2026.

TEMPAT : Dalam talian (Google Meet).

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 57 orang dari pelbagai Kementerian/Jabatan. Objektif kursus ini bagi Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai Kanun Tanah Sarawak (CAP 81) 1958.

2(b) PERIHAL PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN

### Perihal Pemberimilikan Tanah Kerajaan:

- a) Individu / Berkumpulan
- b) Block Alienation Scheme (BAS) – tujuan kegunaan pertanian ataupun kediaman
- c) Skim Pembesaran Kampung (SPK)
- d) Skim Penempatan Semula (SPS)
- e) Perladangan Berskala Besar
- f) Pembangunan Bandar (Komersil, Industri, Perumahan, dll.)

16:15 | TLEBESH KURSUS DALAM TALIAN-PENGENALAN K...

Jumlah Kukuasan  
**15,951.59 Hektar**  
(2,109 Lot)

Kadar Penggunaan  
**93%**  
(Kadar Pembangunan PTP yang tinggi tinggi)

**Realiti Tanah Kosong & Terbiar**  
1,276.28 Hektar (135 Lot)  
Tanggungjawab Cukai 2025  
**RM 2,438,741.36**

\*Nota: Cukai tanah Persekitaran tanah dibayar kepada Kerajaan Sarawak walaupun tanah tersebut kosong atau terbiar.

16:48 | TLEBESH KURSUS DALAM TALIAN-PENGENALAN K...

## KURSUS DALAM TALIAN: TINDAKAN TUAN TANAH APABILA TANAH DIAMBIL OLEH KERAJAAN (TKE04/26)

TARIKH : 17 Mac 2026.

TEMPAT : Dalam Talian Google Meet.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 55 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus memberi pendedahan dan kefahaman kepada masyarakat mengenai aspek Pengambilan Tanah dan Hak Pemilik Tanah apabila tanah terlibat dengan Pengambilan. Penceramah Encik Azman bin Mad Dali



## PERKONGSIAN ILMU BIL 2/2026

TARIKH : 31 Mac 2026.

TEMPAT : Dalam Talian Google Meet.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 23 orang pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah INSTUN. Tajuk perkongsian ilmu: Pencerobohan Tanah Pahang dan penceramah jemputan ialah Encik Saifullah bin Muhammad Ali, Ketua Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang.

**PENGUATKUASAAN (PEMUSNAHAN & PEMUTIHAN)**

**PEMUTIHAN**

- Tanah yang telah diteroka haram dikenalpasti (Potensi hasil negeri)
- Diserahkan kepada G/C Negeri Pahang untuk dilaksanakan pemutihan
- Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang, Pahang Mining Corp, Pahang Corp, Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang, Lembaga Perumahan Hartanah Pahang, Pahang Water & Iain-lain

**PEMUSNAHAN**

- Ops Lohat (240 ekar)
- Ops Sekat (2,200 ekar)
- Ops Perdak (1,000 ekar)
- Penyelarasan ops bersepadu semua jabatan dan kawalan keselamatan
- Tindakan pemutihan gagal/ kawasan teroka merupakan kawasan sensitif alam sekitar

12:07 | www.abd-cdn

## MAJLIS IFTAR RAMADAN BUP SEMPENA CERAPAN GERHANA BULAN PENUH

TARIKH : 3 MAC 2026

TEMPAT : BALAI CERAP TAN SRI HARUSSANI (TSHO), INSTUN.

R I N G - Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP), INSTUN telah menganjurkan Majlis Iftar Ramadan BUP Sempena Cerapan Gerhana Bulan Penuh bersama K A S A N warga BUP di Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO) serta keluarga juga wakil bahagian yang turut sama-sama hadir ke malis ini.

YBrs. Tuan Pengarah juga turut berkesempatan hadir dan sama-sama menunaikan solat sunat Terawih bersama jemputan yang lain.



## MESYUARAT PENERBITAN BUKU BALAI CERAP TAN SRI HARUSSANI (TSHO), INSTUN

TARIKH : 4 MAC 2026

TEMPAT : BILIK MESYUARAT PERPUSTAKAAN, INSTUN.

R I N G - Perbincangan mengenai penerbitan buku Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO), INSTUN



## BENGKEL PEMANTAPAN DOKUMENTASI PERMOHONAN REMOTE PILOT TRAINING ORGANIZATION (RPTO)

TARIKH : 6 MAC 2026.

TEMPAT : PUSAT KECEMERLANGAN UKUR PEMETAAN (PKUP), INSTUN.

RINGKASAN *Bengkel ini telah dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan BUP bagi*  
PROGRAM : *penyediaan dokumentasi permohonan RPTO.*



## SESI PERBINCANGAN BERKAITAN PROJEK KAJIAN PELAN WARTA MULTIDIMENSI

TARIKH : 9 MAC 2026

TEMPAT : JUPEM WPKL

RINGKASAN PROGRAM : Perbincangan Seksyen Kadaster BUP bersama JUPEM WPKL berkaitan projek Kajian Pelan Warta Multidimensi.



# MESYUARAT BERKAITAN PEMBINAAN BALAI CERAP GEODETIK JUPEM DAN LAWATAN KE BALAI CERAP TAN SRI HARUSSANI (TSHO), INSTUN

TARIKH : 13 MAC 2026.

TEMPAT : BALAI CERAP TAN SRI HARUSSANI (TSHO), INSTUN.

RINGKASAN Pihak JUPEM Ibu pejabat telah melawat Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO)  
PROGRAM : sebagai persediaan cadangan untuk menubuhkan Balai Cerap Geodetik



## MESYUARAT TAPAK NO.13 PROJEK MENAIKTARAF DAN MODENISASI BANGUNAN ANJUNG INSTUN

TARIKH : 16 MAC 2026.

TEMPAT : BILIK MESYUARAT TAPAK, ANJUNG INSTUN.

RINGKASAN Perbincangan pasukan projek bersama JKR Muallim mengenai status PROGRAM : semasa projek menaiktaraf dan modenisasi Bangunan Anjung INSTUN.



## PROGRAM CERAPAN HILAL SYAWAL 1447

TARIKH : 19 MAC 2026.

TEMPAT : BAITUL HILAL, PASIR PANJANG, SEGARI.

RINGKASAN PROGRAM : Program ini telah dihadiri oleh En. Mohd Azlan bin Tarmiti, Juruukur Gred J9 selaku wakil dari INSTUN bagi program cerapan hilal Syawal 1447 bersama pegawai berkepentingan yang lain seperti JUPEM dan



## KURSUS UG07/26 - KURSUS UKUR KEJURUTERAAN (UKUR ARAS)

TARIKH : 31 MAC - 1 APRIL 2026.

TEMPAT : PUSAT KECEMERLANGAN UKUR GEODETIK (PKUG), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Ukur Kejuruteraan : Ukur Aras (UG07/26) : Kursus Ukur Kejuruteraan: Ukur Aras telah berjaya dilaksanakan pada 31 Mac -1 April 2026 secara fizikal di INSTUN. Kursus ini dihadiri seramai 29 orang peserta iaitu pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak.

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai ukur aras, longitudinal section (keratan memanjang) dan cross section (keratan



## SESI PRA-PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS (ABM) TAHUN 2027

TARIKH : 31 MAC 2026.

TEMPAT : PUSAT KECEMERLANGAN UKUR KADASTER (PKUK), INSTUN.

RINGKASAN Perbincangan BUP berkaitan pra penyediaan cadangan Anggaran PROGRAM : Belanja Mengurus BUP bagi tahun 2027 dihadiri semua kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) BUP.



## SESI PERBINCANGAN PENYELARASAN DOKUMEN PROSEDUR KUALITI DAN PROSEDUR SOKONGAN ISO 9001:2015, INSTUN

TARIKH : 11 Mac 2026.

TEMPAT : Mesyuarat Perpustakaan INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Seksyen Dasar dan Kualiti telah berjaya menganjurkan Sesi Perbincangan Penyelarasan Dokumen Prosedur Kualiti dan Prosedur Sokongan ISO 9001:2015 yang bertempat di Bilik Mesyuarat Perpustakaan INSTUN. Sesi ini bertujuan untuk memantapkan lagi sistem pengurusan kualiti organisasi melalui penyelarasan dokumentasi yang lebih sistematik dan terkini.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Encik Zulhasmi bin Mohamad. Beliau menekankan kepentingan setiap bahagian untuk sentiasa peka terhadap perubahan prosedur bagi memastikan penyampaian perkhidmatan INSTUN kekal cemerlang dan memenuhi piawaian antarabangsa yang ditetapkan.

Sesi tersebut turut dihadiri oleh semua Pemilik Dokumen dan Penyelaras ISO dari setiap bahagian. Kehadiran mereka amat kritikal bagi memastikan setiap input dan semakan ke atas prosedur sokongan dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Perbincangan yang berjalan secara interaktif ini membolehkan isu-isu teknikal berkaitan dokumentasi diselesaikan dengan segera demi kelancaran proses audit kualiti pada masa akan datang.

Melalui sesi penyelarasan ini, INSTUN komited dalam memelihara integriti



# MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELIDIKAN INSTUN 2026

TARIKH : 12 Mac 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Melati, Aras 6, Wisma INSTUN.

RINGKASAN Seksyen Penyelidikan dan Kompetensi telah menganjurkan Mesyuarat PROGRAM : Jawatankuasa Penyelidikan INSTUN 2026. Mesyuarat yang menjadi teras kepada hala tuju aktiviti penyelidikan institut ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Melati, Aras 6, Wisma INSTUN.

Sesi mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Tuan Khairin Nazry bin Karim. Mesyuarat ini berfungsi sebagai wadah utama untuk menyelaras dan memantau aktiviti penyelidikan di INSTUN bagi memastikan setiap focus kajian memberi impak tinggi kepada bidang pentadbiran tanah dan ukur negara.

Antara agenda utama yang telah dibincangkan termasuk Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Tahun 2025, meneliti cadangan penulisan kajian penyelidikan INSTUN dan juga penulisan artikel ilmiah Tahun 2026/2027. Seterusnya, mesyuarat ini turut dijadikan platform memantau status penulisan penyelidikan yang sedia ada dan juga merancang persediaan dan pengisian bagi penganjuran Hari Inovasi INSTUN Tahun 2026.

Secara keseluruhannya, mesyuarat ini telah berjaya menetapkan penanda



## SESI PERBINCANGAN PENYELARASAN DOKUMEN PROSEDUR KUALITI DAN PROSEDUR SOKONGAN ISO 9001:2015, INSTUN

TARIKH : 11 Mac 2026.

TEMPAT : Mesyuarat Perpustakaan INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Seksyen Dasar dan Kualiti telah berjaya menganjurkan Sesi Perbincangan Penyelarasan Dokumen Prosedur Kualiti dan Prosedur Sokongan ISO 9001:2015 yang bertempat di Bilik Mesyuarat Perpustakaan INSTUN. Sesi ini bertujuan untuk memantapkan lagi sistem pengurusan kualiti organisasi melalui penyelarasan dokumentasi yang lebih sistematik dan terkini.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Encik Zulhasmi bin Mohamad. Beliau menekankan kepentingan setiap bahagian untuk sentiasa peka terhadap perubahan prosedur bagi memastikan penyampaian perkhidmatan INSTUN kekal cemerlang dan memenuhi piawaian antarabangsa yang ditetapkan.

Sesi tersebut turut dihadiri oleh semua Pemilik Dokumen dan Penyelaras ISO dari setiap bahagian. Kehadiran mereka amat kritikal bagi memastikan setiap input dan semakan ke atas prosedur sokongan dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Perbincangan yang berjalan secara interaktif ini membolehkan isu-isu teknikal berkaitan dokumentasi diselesaikan dengan segera demi kelancaran proses audit kualiti pada masa akan datang.

Melalui sesi penyelarasan ini, INSTUN komited dalam memelihara integriti



## SESI PERBINCANGAN PENYELARASAN ISU LATIHAN BIL. 1/2026

TARIKH : 2 Mac 2026.

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Perpustakaan INSTUN.

RINGKASAN Sesi ini dipengerusikan oleh Encik Zulhasmi bin Mohamad, Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan. Perbincangan ini bertujuan meneliti dan menyelaras cadangan penetapan nilai jam bagi kursus bersemuka, kursus dalam talian serta kursus **Self-Directed Learning** (SDL), sebelum dikemukakan untuk pertimbangan dalam Mesyuarat Pengurusan INSTUN.



## PROGRAM IFTAR JAMI'E

TARIKH: 03 Mac 2026.

TEMPAT: Balai Cerap TSHO INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM: Seksyen Hal Ehwal Islam (SHEI) dengan kerjasama Bahagian Ukur Dan Pemetaan (BUP) dan Surau As Sakinah INSTUN telah mengadakan Program Iftar Jami'e bersempena bulan Ramadan.

Program ini disertai wakil-wakil bahagian dan jemaah Surau As-Sakinah. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah majlis berbuka puasa, solat maghrib berjemaah, cerapan gerhana bulan, solat sunat gerhana, solat isyak berjemaah dan solat tarawih.

Tujuan program iftar jami'e adalah untuk mempererat ukuwah Islamiah dan meningkatkan semangat kebersamaan dalam kalangan warga INSTUN. Objektif program ini adalah untuk mengumpulkan warga INSTUN untuk berbuka puasa bersama-sama dan melakukan solat tarawih secara berjemaah.



## KAUNTER ZAKAT FITRAH

TARIKH : Februari - Mac 2026.

TEMPAT : Lobi Wisma dan Perpustakaan INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Pihak Zakat Perak Al Ridzuan dengan kerjasama Seksyen Hal Ehwal Islam INSTUN telah membuka Kaunter Zakat Fitrah di beberapa lokasi di sini sepanjang bulan Ramadan yang lalu. Program ini bertujuan menyediakan platform pembayaran zakat secara fizikal kepada kakitangan INSTUN yang ingin membuat pembayaran zakat serta meningkatkan kesedaran dan pemahaman warga INSTUN tentang kewajipan berzakat.

Dengan terlaksananya pembukaan kaunter zakat ini, diharapkan warga INSTUN dapat menunaikan kewajipan rukun islam keempat ini dengan lebih mudah dan seterusnya dapat membantu golongan yang memerlukan.



# PROGRAM MAJLIS KHATAM AL QURAN & PENUTUPAN PROGRAM IHYA RAMADAN

TARIKH : 13 Mac 2026

TEMPAT : Auditorium, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Seksyen Hal Ehwal Islam dengan kerjasama PUSPANITA dan Kelab INSTUN telah menganjurkan Majlis Khatam Al Quran & Penutupan Program Ihya Ramadan 1447H / 2026M.

Objektif utama program khatam al-Quran adalah untuk memupuk kecintaan terhadap al-Quran, membudayakan bacaan dalam kehidupan seharian dan memberi pengiktirafan kepada peserta yang berjaya mengkhatamkan 30 juzuk. Program ini juga bertujuan memupuk minat, kecintaan, dan menyanjungi al-Quran serta membudayakan bacaan al-Quran dalam kehidupan seharian dan meningkatkan penghayatan terhadap bulan Ramadhan, khususnya sempena Nuzul al-Quran.

Semoga program ini menjadi medan menyemai ukhuwah, mempererat silaturahim serta menambah keberkatan dalam bulan yang penuh rahmat ini.



## PROGRAM BERBUKA PUASA & SOLAT SUNAT TERAWIH

TARIKH : 19 Februari hingga 20 Mac 2026 (setiap Isnin hingga Khamis).

TEMPAT : Surau As-Sakinah INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Seksyen Hal Ehwal Islam dengan kerjasama Surau As-Sakinah INSTUN telah menganjurkan Program Berbuka Puasa atau Iftar dan Solat Sunat Terawih bagi mengimarahkan surau INSTUN. Program ini dijalankan pada setiap hari Isnin hingga Khamis yang disertai oleh penghuni kuarters dan kakitangan yang berkelapangan. Program bermula dengan berbuka puasa, seterusnya menunaikan solat Maghrib, solat Isyak dan Solat Sunat Terawih secara berjemaah.

Semoga dengan pengisian ini dapat memberi ibrah puasa kepada semua dan diharapkan agar program seperti ini dapat diteruskan lagi pada tahun-tahun akan datang.



## PROGRAM KACAU-KACAU RAMADAN INSTUN 2026

TARIKH : 10 Mac 2026.  
Dewan Makan, Domestik

TEMPAT :

RINGKASAN  
PROGRAM :

Program Kacau-Kacau Ramadan INSTUN 2026 telah berlangsung dengan jayanya di Dapur Pejabat Domestik Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) melalui aktiviti memasak bubur lambuk secara gotong-royong yang melibatkan warga kerja INSTUN. Program bermula seawal jam 8.30 pagi dengan penyediaan bahan masakan dan peralatan, sekali gus menghidupkan semangat kebersamaan serta kemeriahan suasana Ramadan dalam kalangan warga INSTUN.

Istimewanya pada tahun ini, resipi bubur lambuk yang dimasak merupakan perkongsian istimewa daripada Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN sendiri. Sesi memasak diteruskan sehingga selesai sebelum bubur lambuk diagihkan sekitar jam 1.00 tengah hari kepada wakil setiap bahagian, yang turut disampaikan sendiri oleh Tuan Pengarah sebagai simbolik penghargaan dan kebersamaan warga INSTUN dalam menghayati keberkatan bulan Ramadan.

Semoga aktiviti Kacau-Kacau Ramadan INSTUN 2026 ini menjadi medan menyemai ukhuwah, mempererat silaturahim serta menambah keberkatan dalam bulan yang penuh rahmat ini. Mudah-mudahan amalan kecil yang dilakukan bersama ini menjadi pahala yang berlipat ganda serta menyemarakkan lagi penghayatan Ramadan dalam diri kita semua.



## PROGRAM ZIARAH MAHABBAH

TARIKH : 11 Mac 2026

TEMPAT : INSTUN dan Hospital Slim River

**RINGKASAN PROGRAM :** Program Ziarah Mahabbah anjuran Seksyen Hal Ehwal Islam dengan kerjasama Kelab INSTUN telah berlangsung pada 11 Mac 2026. Program yang bermula pada jam 4.00 pagi ini dilaksanakan sebagai tanda penghargaan dan sokongan kepada petugas barisan hadapan yang terus berkhidmat tanpa mengira waktu. Edaran makanan sahur telah disempurnakan oleh Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN kepada petugas barisan hadapan di INSTUN yang terdiri daripada Pengawal Keselamatan serta petugas Bahagian Kecemasan Hospital Slim River yang diwakili oleh Encik Abdul Samad bin Othman, Ketua Unit Penyeliaan Pengurusan Hospital Slim River.

Program ini turut disertai oleh wakil Kelab INSTUN serta Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, yang bersama-sama menjayakan inisiatif kebajikan ini. Semoga usaha kecil ini menjadi tanda penghargaan kepada pengorbanan para petugas yang sentiasa komited menjalankan amanah demi kesejahteraan masyarakat. Ramadan mengajar kita untuk terus berkongsi rezeki, menyemai empati dan memperkukuh nilai kemanusiaan.



## PROGRAM TADARRUS AL QURAN

TARIKH : Pada 19 Februari Hingga 20 Mac 2026.

TEMPAT : INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Seksyen Hal Ehwal Islam (SHEI) dengan kerjasama Surau As-Sakinah INSTUN telah menganjurkan Program Tadarus Al-Quran bersempena bulan Ramadan. Program ini terbuka kepada seluruh warga INSTUN. Objektif program ini adalah untuk menyediakan platform bagi warga INSTUN untuk membaca dan memahami Al-Quran secara bersama-sama, serta meningkatkan kecintaan dan pengamalan ajaran Al-Quran dalam kehidupan seharian.

Hasil daripada program ini diharapkan dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan Al-Quran dalam kalangan peserta, serta meningkatkan semangat dan kecintaan mereka terhadap Al-Quran. Selain itu, program ini juga diharapkan dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan Al-Quran dalam kehidupan seharian dan memberi motivasi kepada para peserta untuk mengamalkan ajaran Al-Quran.



## PROGRAM PEMBERIAN KURMA KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN INSTUN SEMPENA RAMADAN

TARIKH : 9 Mac 2026

TEMPAT : Lobi Wisma INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Pemberian kurma kepada pengawal keselamatan INSTUN. Kurma ini telah diberikan oleh Pengarah INSTUN kepada semua pengawal keselamatan yang bertugas sempena menyambut bulan Ramadan. Penyerahan kurma tersebut telah diwakilkan kepada Ketua Seksyen Keselamatan, Encik Fadzily bin Abdul Manan kepada Ketua Pengawal Keselamatan, Encik NorFirdaus bin Zaili sebagai simbolik.

Pemberian kurma kepada pengawal keselamatan INSTUN merupakan satu inisiatif yang membawa pelbagai kebaikan. Antaranya ialah sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan tanggungjawab pengawal keselamatan dalam memastikan keselamatan institusi. Selain itu, program ini dapat mengeratkan hubungan antara pihak pengurusan dan warga kerja INSTUN serta menyemarakkan semangat Ramadan melalui amalan kebajikan dan perkongsian rezeki.



# TAKLIMAT SISTEM PEGAWAI BERTUGAS (SPB) INSTUN

TARIKH : 17 Mac 2026 (Selasa)

TEMPAT : Dewan Kuliah Utama, Akademik C, INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Sistem Pegawai Bertugas (SPB) merupakan satu sistem atau kaedah pengurusan yang menetapkan pegawai secara giliran bagi melaksanakan tugas pemantauan dan penyeliaan operasi harian di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

## **Fungsi utama (SPB):**

- Memantau keadaan premis, keselamatan dan operasi harian.
- Menjadi pegawai rujukan sekiranya berlaku masalah atau kecemasan.
- Mengendalikan aduan atau laporan yang diterima.
- Memastikan pematuhan kepada peraturan dan prosedur organisasi.

## **Objektif Taklimat Sistem Pegawai Bertugas (SPB):**

- Memberi penerangan menyeluruh mengenai konsep dan fungsi Sistem Pegawai Bertugas (SPB).
- Menjelaskan peranan, tanggungjawab dan skop tugas pegawai bertugas.
- Memberi penerangan menyeluruh mengenai konsep dan fungsi Sistem Pegawai Bertugas (SPB).
- Menjelaskan peranan, tanggungjawab dan skop tugas pegawai bertugas.

